

PERATURAN BADMINTON SUKAN JABATAN LAUT MALAYSIA 2026

1. UNDANG-UNDANG

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut undang – Undang Peraturan AM dan Peraturan pertandingan yang di sediakan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 1.2 Pertandingan dijalankan mengikut Undang-Undang BWF dan BAM, segala keputusan adalah muktamad

2. SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Bagi acara beregu lelaki terbuka :
 - a) Setiap Wilayah hanya boleh mendaftarkan 1 pasangan beregu lelaki Sahaja.
- 2.2 Hanya pemain yang didaftarkan dalam senarai pemain sahaja yang dibenarkan untuk bermain.
- 2.3 Pertandingan adalah terbuka kepada semua warga kerja yang berkhidmat di Jabatan Laut Malaysia sahaja.

3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem berkumpulan.
- 3.2 Dua regu teratas dalam kiraan mata layak ke peringkat separuh akhir bagi setiap kumpulan.
- 3.3 Bagi acara beregu setiap pasangan beregu akan diundi untuk menentukan kedudukan dalam kumpulan.
- 3.4 Perbezaan mata akan diambil kira jika ada persamaan pada kedudukan kumpulan.
- 3.5 Semua pasukan dan pemain perlu mendaftarkan diri 30 minit sebelum pertandingan bermula

4. PAKAIAN / PERALATAN

- 4.1 Pemain perlu memakai pakaian dan kasut yang sesuai.
- 4.2 Bulu tangkis jenama RSL CLASSIC akan digunakan sepanjang kejohanan.

5. KIRAAN MATA

- 5.1 Sistem kiraan 21 mata (*best of three*).
- 5.2 Setiap kemenangan regu akan peroleh 3 mata dan 0 mata untuk yang kalah didalam Kumpulan.

6. LARANGAN

- 6.1 Mana-mana pemain dilarang mengambil minuman keras atau sebarang bahan terlarang sepanjang pertandingan ini berlangsung.
- 6.2 Mana-mana regu/pemain didapati melanggar peraturan menyebabkan acara pertandingan ini terganggu disebabkan oleh kekecohan, pergaduhan atau apa-apa perbuatan yang difikirkan salah dan mendatangkan sebarang kecederaan kepada pihak lawan atau sesiapa sahaja semasa pertandingan. Pihak penganjur berhak menggantung dan tidak membenarkan regu/pemain tersebut dari meneruskan permainan.

7. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 7.1 Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am, maka Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.